

# **SAYA DATANG, SAYA LIHAT, SAYA TAKLUK**

## **TRAVELOG USAHAWAN MUDA**

*Nur Athirah Mohamad Basir*

*Khairull Nasruddin Mansor*

*Nor Mahirah Mustapha*

*Mohd Nazarni Che Isa*

*Mohd Syazwan Nizam Mohd Moni*

# **SAYA DATANG, SAYA LIHAT, SAYA TAKLUK**

## **TRAVELOG USAHAWAN MUDA**

*Nur Athirah Mohamad Basir  
Khairull Nasruddin Mansor  
Nor Mahirah Mustapha  
Mohd Nazarni Che Isa  
Mohd Syazwan Nizam Mohd Moni*

Penerbit  
Universiti Malaysia Pahang

Hakcipta © Universiti Malaysia Pahang, 2020

Cetakan Pertama, Februari 2020

Hakcipta adalah terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti

Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak,  
26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Reka Letak dan Reka Kulit oleh Shahrin Ezzat

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Nur Athirah Mohamad Basir

SAYA DATANG, SAYA LIHAT, SAYA TAKLUK : TRAVELOG USAHAWAN  
MUDA / Nur Athirah Mohamad Basir, Khairull Nasruddin Mansor,  
Nor Mahirah Mustapha, Mohd Nazarni Che Isa, Mohd Syazwan  
Nizam Mohd Moni.

ISBN 978-967-2226-63-5

1. Entrepreneurship--Anecdotes.

2. Success in business--Anecdotes.

3. Anecdotes.

4. Government publications--Malaysia.

I. Khairull Nasruddin Mansor. II. Nor Mahirah Mustapha.

III. Mohd. Nazarni Che Isa. IV. Mohd. Syazwan Nizam Mohd. Moni.

V. Judul.

808.882

Diterbitkan Oleh:

**Penerbit**

Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-549 3273 Faks: 09-549 3218

Urus Cetak:

**PNC Printing**

No 2, Tingkat Bawah, Taman Peramu Makmur,  
Peramu, 26600 Pekan. Pahang Darul Makmur.  
Tel: 09 - 452 2342 / 09 - 843 7071

## **PRAKATA**

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya buku ini berjaya disiapkan. Terima kasih tidak terhingga kepada semua staf Pusat Keusahawan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Penerbit UMP dan usahawan-usahawan yang begitu gigih dan tabah dalam menyiapkan buku ini.

Ini merupakan sebuah buku yang menceritakan latar belakang perniagaan dan perkongsian pengalaman usahawan-usahawan yang dilahirkan oleh UMP. Idea untuk menerbitkan buku ini lahir apabila menyedari tentang kepentingan mendokumenkan pengalaman perjalanan hidup usahawan serta tip-tip perniagaan yang boleh dikongsi bersama.

Dengan penerbitan buku seperti ini, ia akan menjadi titik mula untuk menonjolkan ikon-ikon usahawan yang berjaya dilahirkan oleh UMP. Kandungan buku ini boleh dijadikan sumber rujukan dan inspirasi kepada semua pelajar UMP yang akan dan yang baharu bergelar usahawan. Semoga dengan terbitnya buku ini, para pelajar yang ingin berjinak dalam bidang

keusahawanan akan mendapat suntikan semangat bagi menceburi bidang yang penuh cabaran ini.

Semoga Allah permudahkan segala usaha UMP untuk meningkatkan bidang keusahawanan dan melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya. Hal ini selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri kita Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu untuk membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat dan merangsang pembangunan keusahawanan bersepadu dan holistik dalam kalangan rakyat Malaysia.

*Prof Madya Ts. Dr Hadi Manap*  
*Pengarah Pusat Keusahawanan UMP*

## PENGENALAN

Melalui Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (2016 - 2020), kewujudan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari dapat memupuk minda keusahawanan ke dalam seluruh sistem pendidikan tinggi agar dapat melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sebagai *job creator*, dan memastikan kemampanan kewangan institusi dengan bertindak lebih *entrepreneurial* terhadap sumber pendanaan pendidikan tinggi untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber kerajaan. Berdasarkan hasrat ini, buku ini ditulis untuk menyuntikkan semangat kepada para usahawan untuk bersama-sama mencabar diri keluar daripada kebiasaan dengan membuka minda dan menjadi seorang usahawan yang kreatif, inovatif dan proaktif agar lebih berdaya saing dalam merencanakan kerjaya masing – masing khususnya, dan menyumbang kepada UMP amnya.

Naskah dan perkongsian daripada 5 usahawan pelajar UMP yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang dan bidang pengajian ini akan membawa kita mendalami

dan memahami cabaran dihadapi dan usaha dilakukan untuk terus kekal semangat dan relevan dalam perniagaan yang diusahakan. Walaupun bergelar pelajar, adalah tidak mustahil bagi para pelajar ini untuk menceburi dan meneroka dalam bidang yang diminati malahan mampu memberikan pendapatan kepada mereka asalkan dapat menguruskan masa dengan bijak serta mengambil peluang yang datang dengan sebaiknya. Ia juga adalah selari dengan inisiatif dalam Lonjakan Strategik 5 : Kemampanan Sosio – Ekonomi dan Persekitaran dibawah KPI 5A (i) : Keusahawanan Sosial yang dinyatakan dalam Pelan Strategik UMP 2020 – 2025 iaitu untuk melahirkan ramai usahawan mantap dalam kalangan pelajar dan warga UMP.

Atas dasar ini juga, Pusat Keusahawanan UMP sedang berusaha untuk merangka dan membentuk program keusahawanan yang lebih berstruktur dan holistik agar dapat melatih para pelajar meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam ilmu keusahawanan terkini di samping menjana pendapatan. Adalah diharapkan dengan terbitnya buku ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada pembangunan diri usahawan yang lebih cemerlang pada masa hadapan dan seterusnya

mencetuskan pelbagai program keusahawan yang komprehensif dalam menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan tulen menjelang 2030.

Penyunting ;  
Prof. Madya Ts. Dr. Hadi Manap  
Noor Syahidah Sabran



# KANDUNGAN

CABARAN ADALAH RAKAN YANG TERBAIK	8
<i>Nur Athirah Mohamad Basir</i>	
KESUSAHAN ADALAH JALAN SAYA!	27
<i>Khairull Nasruddin Mansor</i>	
TIADA PERNIAGAAN YANG MUDAH	54
<i>Nor Mahirah Mustapha</i>	
TAK KENAL MAKA TAK CINTA	77
<i>Mohd Nazarni Che Isa</i>	
BANGSAWAN PICTURES	97
<i>Mohd Syazwan Nizam Mohd Moni</i>	

# CABARAN ADALAH RAKAN YANG TERBAIK

Nur Athirah Mohamad Basir

Nama syarikat saya ialah EROHOLEY SHOP. Saya menjalankan perniagaan jualan secara terus dan atas talian sejak tahun 2016. Produk utama saya ialah kuih kapit yang telah diinovasikan dengan pelbagai perisa. Bermulanya perjalanan kuih kapit jenama **Dapdap** ini dengan resipi daripada emak mertua yang telah diturunkan kepada saya. Oleh kerana pada era modenisasi ini, saya melihat pelbagai kuih tradisional yang telah divariasikan amat mendapat tempat di hati masyarakat. Berdasarkan pemerhatian saya, saya telah mengolah kuih kapit yang pada asalnya merupakan kuih tradisional masyarakat Melayu dengan menvariasikannya kepada kuih kapit berinti coklat dan kacang yang diisi penuh dan mempunyai pelbagai kekacang tambahan diluarnya. Pada awalnya, saya hanya membuat enam balang sehari dan tidak lama kemudian, kuih kapit yang diusahakan secara kecil-kecilan ini semakin mendapat permintaan walaupun bukan pada musim raya. Kini saya